

PAKEJ STIMULASI RANGSANGAN EKONOMI DALAM SEKTOR PEMBINAAN DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

Kebenaran Memulakan Kerja Pembinaan dalam tempoh 24 jam (E-COW) untuk kategori-kategori seperti berikut:-


- i) Pembinaan sebuah kediaman bertanah yang baru (rumah sesebuah / rumah berkembar / rumah teres) (dengan Kebenaran Merancang yang sah)
- ii) Skim perumahan yang tidak melebihi 4 unit secara keseluruhan.(dengan Kebenaran Merancang yang sah)
- iii) Pindaan dan tambahan ke atas kediaman sediaada yang tidak melebihi 1500 kaki persegi atau 50% daripada ruang lantai yang sediaada.
- iv) Pengubahsuaian ruang dalaman sahaja bagi bangunan komersial yang sediaada.

Dengan syarat-syarat seperti berikut:-

- a) Pengemukakan pelan pecah sempadan (di peringkat Majlis) (Jika berkaitan),
- b) Pengemukakan Borang C1 (Jika berkaitan),
- c) Pengemukakan Pelan Kerja-kerja Tanah (Jika berkaitan) ,
- d) Pengemukakan Pelan Geoteknikal (Jika berkaitan) ,
- e) Pengemukakan Pelan Konkrit Tetulang bersamaan Borang A,
- f) Pengemukakan Surat Aku Janji PSP bertanggungjawab ke atas kerja-kerja pembinaan,
- g) Pengemukakan Surat Aku Janji Pemohon bagi pematuhan kesemua syarat-syarat teknikal,
- h) Pengemukakan Salinan Polisi Insuran
- i) Dokumen-dokumen pematuhan Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan dalam tempoh PKPP

Nota: Tawaran-tawaran sumbangan yang terlibat akan disyaratkan perlu dijelaskan sebelum Pelan Bangunan yang diluluskan dilepaskan.

CARTA ALIRAN BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MEMULAKAN KERJA PEMBINAAN DALAM TEMPOH 24 JAM (E-COW)



Petunjuk:

*E-COW : Early Commencement Of Work / Kebenaran Memulakan Kerja Pembinaan Awalan

*ILCS : Intergrated Local Council System

*MJOSC: Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat

*PB : Pelan Bangunan